

TARIKH : 22 FEBRUARI 2023  
AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 25

## Inflasi makanan dijangka kekal tinggi

# Inflasi makanan dijangka kekal tinggi

**Kuala Lumpur:** Nestlé (Malaysia) Berhad menjangkakan persekitaran ekonomi yang tidak menentu pada tahun 2023 akan berterusan kerana tekanan inflasi yang berpanjangan serta unsur ketidakpastian dalam hal harga komoditi dan mata wang.

Selain itu, terdapat tanda-tanda jelas kemelesetan ekonomi utama dunia, dengan harga komoditi makanan dan inflasi makanan secara khususnya akan kekal tinggi sepanjang separuh pertama 2023.

Ketua Pegawai Eksekutif Nestlé Malaysia, Juan Aranols berkata, bagaimanapun, pihaknya meramalkan penambahbaikan secara beransur-ansur pada separuh kedua tahun ini dan kekal yakin dengan prospek Malaysia dalam jangka ma-



sa lama.

“Kumpulan sudah mengumumkan kitaran pelaburan baru dengan rancangan perbelanjaan modal (Capex) RM1.0 bilion bagi tempoh 2023 - 2025.

“Berlatarkan keadaan semasa, kami akan meningkatkan lagi usaha untuk terus memberi tumpuan dalam memenuhi keperluan



**Kami akan tingkatkan lagi usaha untuk terus memberi tumpuan dalam memenuhi keperluan rakyat Malaysia”**

**Aranols**

rakyat Malaysia.

“Kami juga akan terus melabur dalam keupayaan untuk memacu pertumbuhan serta keuntungan yang mampan.

“Kami tetap yakin bahawa usaha mengeratkan lagi ikatan rakyat dengan jenama kami, berasaskan keyakinan dan kualiti, sambil terus memenuhi keperluan gaya

hidup berbeza, merupakan strategi terbaik untuk menghadapi persekitaran luar yang mencabar dan terus mencapai prestasi yang mantap dan mampan pada tahun 2023,” katanya.

Bagi suku keempat 2022 (S4 2022), Kumpulan mencatatkan peningkatan perolehan daripada RM1.47 bilion kepada RM1.65 bilion, iaitu kenaikan sebanyak 12.4 peratus berbanding suku tahun sama tahun sebelumnya.

Momentum kukuh ini dicapai berasaskan jualan domestik dan eksport lebih tinggi, yang masing-masing meningkat sebanyak 10.6 peratus dan 18.3 peratus hasil keberkesanan usaha menjana permintaan di samping aktiviti ekonomi yang kembali normal selepas pandemik.